



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL KELESTARIAN PELANCONGAN PERIBUMI DI PULAU CAREY

NORAINI BINTI MOHD SHAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODEL KELESTARIAN PELANCONGAN
PERIBUMI DI PULAU CAREY**

NORAINI BINTI MOHD SHAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: _____

No. Matrik /Matric No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



THE DEVELOPMENT OF A MODEL FOR INDIGENOUS TOURISM SUSTAINABILITY IN CAREY ISLAND

ABSTRACT

The purpose of this study is to develop a model for sustainable indigenous tourism from the aspects of human capital, social capital, institutional capital, economic capital and environmental capital. This study uses a case study design. The conceptual framework of this study is based on several theories used namely development theory, cultural theory, sustainability theory, ecotourism theory, cultural tourism theory and indigenous tourism theory. These basic theories have links to human capital, social capital, institutional capital, economic capital and environmental capital. These capital are derived from several models namely the indigenous tourism model, community-based model and sustainability model. Data sources were obtained from the study participants consisting of 12 Indigenous people and 13 representatives of local agencies. The total number of participants in the Orang Asli community was 12 Orang Asli comprising five weavers, four carpenters, an inner artist, a tok batin, a tour guide and a village authority. In addition, 13 representatives of the agency are six officers from JAKOA, three officers from the Malaysian Handicraft Development Corporation, two officials from the District Council and two officials from the Ministry of Tourism. Interview protocols used are observation protocols and document analysis has been used as tools for collecting data. The data will produce the themes identified and the techniques of data triangulation to determine the validity and reliability of the results. The findings show that all capital should be used as a guide in formulating the model of sustainability of indigenous tourism on Carey Island. The results show that the form of indigenous peoples' involvement in the field of indigenous tourism can highlight the customs and cultures practiced by the indigenous people and their handicraft products to foreign tourists. This study resulted in the development of a Model of Indigenous Tourism Sustainability in Carey Island, Selangor Malaysia. The implications of this study can be used to contribute knowledge to develop indigenous tourism policies practically, especially for countries with large numbers of indigenous peoples.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan model kelestarian pelancongan peribumi dari aspek modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan kepada beberapa teori yang digunakan iaitu teori pembangunan, teori kebudayaan, teori kelestarian, teori ekopelancongan, teori pelancongan budaya dan teori pelancongan peribumi. Teori-teori asas ini mempunyai hubungan dengan modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar. Modal-modal ini didapati dari beberapa model iaitu model pelancongan peribumi, model berasaskan komuniti dan model kelestarian. Data diperoleh daripada peserta kajian yang terdiri daripada 12 Orang Asli dan 13 wakil agensi tempatan. Jumlah peserta kajian bagi masyarakat Orang Asli adalah sebanyak 12 Orang Asli terdiri daripada lima orang pengusaha anyaman, empat orang pengusaha ukiran, seorang tok batin, seorang pemandu pelancong dan seorang jawatan kuasa kampung. Tambahan pula, 13 wakil agensi terdiri daripada enam pegawai dari JAKOA, tiga pegawai dari Kraftangan Malaysia, dua pegawai dari Majlis Daerah dan dua pegawai dari Kementerian Pelancongan. Protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan sebagai alat untuk mengumpul data. Data akan mengeluarkan tema-tema yang telah dikenalpasti dan teknik triangulasi data dilakukan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan daripada hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua modal perlu dijadikan sebagai asas panduan dalam merangka model kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey. Hasil kajian menunjukkan bentuk penglibatan masyarakat Orang Asli dalam bidang pelancongan peribumi dapat mengketengahkan adat dan kebudayaan yang diamalkan secara turun temurun oleh Orang Asli serta produk kraftangan mereka kepada pelancong asing. Maka kajian ini menghasilkan Pembangunan Model Kelestarian Pelancongan Peribumi di Pulau Carey, Selangor Malaysia. Implikasi kajian ini dapat digunakan dalam menyumbang ilmu pengetahuan untuk membangunkan polisi pelancongan peribumi secara praktikal terutama bagi negara yang mempunyai jumlah penduduk peribumi yang ramai.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKAUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	13
1.3	Pernyataan Masalah	23
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	28
1.5	Objektif Kajian	32
1.6	Persoalan Kajian	32
1.7	Kepentingan Kajian	33
1.8	Batasan Kajian	36
1.9	Definisi Istilah	37
1.10	Rumusan	44

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	45
2.2	Latar Belakang Orang Asli di Semenanjung Malaysia	46
2.3	Cabaran Masyarakat Orang Asli	58
2.3.1	Cabaran dari segi Ekonomi	58





2.3.2	Cabaran dari segi Hak Tanah Orang Asli	62
2.3.3	Cabaran dari segi Membangunkan Industri Pelancongan	64
2.4	Konsep Pelancongan Peribumi	68
2.5	Teori-teori yang berkaitan Pelancongan Peribumi	72
2.5.1	Teori Pembangunan	72
2.5.2	Teori Kebudayaan	74
2.5.3	Teori Kelestarian	76
2.5.4	Teori Ekopelancongan	78
2.5.5	Teori Pelancongan Budaya	80
2.5.6	Teori Pelancongan Peribumi	83
2.6	Model-Model Pembangunan Pelancongan	84
2.6.1	Model Pelancongan Berasaskan Komuniti	85
2.6.2	Model Kelestarian	91
2.6.3	Model Ekopelancongan	94
2.6.4	Model Pelancongan Berasaskan Budaya	96
2.6.5	Model Pelancongan Peribumi	97
2.7	Pelancongan di Malaysia	100
2.8	Kajian Empirikal Pelancongan Peribumi dalam Komuniti Orang Asli	102
2.8.1	Pelancongan Peribumi di Perkampungan Orang Asli	106
2.8.2	Pelancongan Peribumi di Pulau Carey	108
2.8.3	Kajian di Bera	114
2.8.4	Kajian di Royal Belum Temenggor	117
2.9	Kajian Terdahulu Luar Negara	122
2.9.1	Pelancongan Peribumi di Australia	122
2.9.2	Pelancongan Peribumi di Kanada	127
2.9.3	Pelancongan Peribumi di Mexico	131
2.9.4	Pelancongan Peribumi di New Zealand	133
2.10	Rumusan	135



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	136
3.2	Reka Bentuk Kajian	137
3.3	Pemilihan Responden dan Lokasi Kajian	140
3.3.1	Prosedur Persampelan	141
3.3.2	Pemilihan Peserta Kajian	145
3.3.3	Lokasi Kajian	149
3.4	Penyelidik Sebagai Instrumentasi Kajian	152
3.4.1	Instrumentasi	155
3.4.2	Temu Bual	156
3.4.3	Pemerhatian	157
3.4.4	Senarai Semak Pemerhatian di Bengkel Kiosk	160
3.4.5	Senarai Semak Pemerhatian di Muzium Culture Village	162
3.5	Analisis Dokumen	164
3.6	Kajian Rintis	166
3.6.1	Kajian Rintis (Temu bual Orang Asli dan Agensi Tempatan)	169
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	171
3.7.1	Teknik Kesahan Pakar Menggunakan Cohen Kappa	177
3.7.2	Teknik Triangulasi Sumber	179
3.7.3	Teknik Triangulasi Data	179
3.7.4	Teknik Semakan Peserta	180
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	182
3.9	Prosedur Penganalisan Data	186
3.9.1	Transkripsi	187
3.9.2	Pelaziman dan Himpunan Data	188
3.9.3	Proses Mengkod dan Mengkategorikan	188
3.9.4	Pemaparan Data	191
3.10	Etika dalam Penyelidikan Kualitatif	192
3.11	Rumusan	196



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	198
4.2	Latar Belakang Responden	199
4.3	Dapatan Kajian	201
4.4	Pengekoden Substantif (Pengekoden Terbuka)	202
4.5	Bentuk Penglibatan Orang Asli dalam Aktiviti Pelancongan Peribumi	203
4.5.1	Anyaman	204
4.5.2	Ukiran	205
4.5.3	Tarian Jo'oh	208
4.5.4	Cara Hidup	211
4.5.5	Perayaan	214
4.6	Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi dari Aspek Modal Insan	218
4.6.1	Pengetahuan	218
4.6.2	Kemahiran	230
4.6.3	Sikap	242
4.6.4	Keyakinan	255
4.6.5	Budaya & Kerohanian	259
4.6.6	Keagamaan	270
4.7	Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi dari Aspek Modal Sosial	279
4.7.1	Sokongan Keluarga	279
4.7.2	Sokongan Pemimpin Kampung	289
4.7.3	Sokongan Pemimpin Penjawat Awam	298
4.7.4	Sokongan Komuniti	310
4.7.5	NBOS (National Blue Ocean Sea/Kerjasama Lautan Biru)	317
4.8	Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi dari Aspek Modal Institusi	334
4.8.1	Institusi Tempatan	334
4.8.2	Agensi Kerajaan	337

4.8.3	Agensi Swasta	342
4.8.4	NGO	344
4.9	Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi dari Aspek Modal Ekonomi	351
4.9.1	Modal Kewangan	351
4.9.2	Infrastruktur	362
4.9.3	Skim Pembiayaan Awam & Swasta	367
4.9.4	Pembiayaan NGO untuk Usahasama Ekopelancongan	369
4.9.5	Pemasaran	372
4.10	Mengenalpasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi dari Aspek Modal Alam Sekitar	387
4.10.1	Penjagaan Alam Sekitar Peribumi	387
4.10.2	Sara Hidup dalam Membangunkan Pelancongan Peribumi	403
4.10.3	Sayang akan Alam Sekitar	408
4.11	Rumusan	417

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	418
5.2	Ringkasan Kajian	419
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	419
5.3.1	Bentuk Penglibatan Orang Asli dalam Aktiviti Pelancongan Peribumi	420
5.3.2	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi di Pulau Carey	424
5.4	Tema-tema baharu yang muncul daripada dapatan kajian	452
5.5	Implikasi Kajian	455
5.5.1	Implikasi Teoritikal	456
5.5.2	Implikasi Terhadap Pembangunan Masyarakat Orang Asli	462
5.6	Cadangan	464
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	468

RUJUKAN**LAMPIRAN**

- A Senarai Nama Pakar
- B Borang Semak Pengesahan Instrumen
- C Protokol Temu Bual Orang Asli
- D Protokol Temu Bual Agensi
- E Pengesahan Kohen Cappa
- F Senarai Semak Pemerhatian di Kiosk
- G Surat Kebenaran JAKOA
- H Surat Pengesahan Transkrip Peserta Kajian
- I Surat Persetujuan dan Kerahsiaan Peserta Kajian
- J Contoh Transkrip Verbatim
- K Contoh Pengiraan Cohen Kappa

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kelompok Etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia	36
2.2	Status pendidikan bagi masyarakat Orang Asli dari tahun 1997 hingga 2008	53
2.3	Status kemiskinan Penduduk Orang Asli, 2000-2008	54
2.4	Jumlah Pelancong yang Melawat ke Perkampungan Budaya Orang Asli Mah Meri	113
2.5	Jumlah Pelancong yang Datang ke Bengkel Ukiran Pengukir	113
2.6	Taman Royal Belum dan Produk Pelancongan	119
2.7	Jumlah Pelancong ke Taman Royal Belum	121
3.1	Kod-kod Responden	143
3.2	Justifikasi ciri-ciri pemilihan peserta kajian	147
3.3	Senarai Perkampungan Orang Asli yang terlibat dengan Pelancongan Peribumi	151
3.4	Kajian Rintis di Laksanakan di Tapah, Perak bermula dari September 2017 sehingga November 2017.	171
3.5	Proses Kesahan dan Kebolehpercayaan	176
3.6	Jadual Kerja Menjalankan Kajian dari Bulan Jun sehingga Disember 2017	184
3.7	Kaedah Pengumpulan data	185
3.8	Contoh Label Kod Konstruk	191
4.1	Kod Temu Bual Peserta Kajian	200



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	31
2.1	Model Pelancongan Berasaskan Komuniti	86
2.2	Model Pelancongan Peribumi	97
3.1	Rumusan Proses Kutipan dan Analisis Data	147
4.1	Bentuk Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Aktiviti Pelancongan Peribumi	203
4.2	Kedatangan Pelancong Asing ke Perkampungan Masyarakat Orang Asli Kg. Sg. Bumbum semasa Perayaan Hari Moyang	215
4.3	Tarian Jo'oh Orang Asli Mah Meri	216
4.4	Sub Tema Modal Insan dari Aspek Pengetahuan dan Kemahiran	276
4.5	Sub Tema Modal Insan dari Aspek Sikap dan Keyakinan	277
4.6	Sub Tema Modal Insan dari Aspek Budaya dan Kerohanian serta Keagamaan	278
4.7	Peralatan di Kiosk di Perkampungan Masyarakat Orang Asli Mah Meri	320
4.8	Sub Tema Modal Sosial dari Aspek Sokongan Keluarga dan Sokongan Pemimpin Kampung	331
4.9	Sub Tema Modal Sosial dari Aspek Sokongan Pemimpin Penjawat Awam	332
4.10	Sub Tema Modal Sosial dari Aspek Sokongan Komuniti dan Kerjasama Lautan Biru	333





4.11	Sub Tema Modal Institusi dari Aspek institusi tempatan dan agensi kerajaan	349
4.12	Sub Tema Modal Institusi dari Aspek Agensi Swasta dan NGO	350
4.13	Sub Tema Modal Ekonomi dari Aspek Modal Kewangan	384
4.14	Sub Tema Modal Ekonomi dari Aspek Infrastruktur, Skim Pembiayaan Awam dan Swasta	385
4.15	Sub Tema Modal Ekonomi dari Aspek Pembiayaan NGO untuk Usahasama Ekopelancongan dan Pemasaran	386
4.16	Sub Tema Modal Alam Sekitar dari Aspek Penjagaan Alam Sekitar Peribumi	415
4.17	Sub Tema Modal Alam Sekitar dari Aspek Sara Hidup dalam Membangunkan Pelancongan Peribumi	416
5.1	Model Baharu bagi Kelestarian Pelancongan Peribumi di Pulau Carey	463





SENARAI SINGKATAN

JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
RPS	Rancangan Pengumpulan Semula
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia





BAB 1

PENGENALAN



Sejak beberapa dekad yang lalu, isu pembangunan mapan atau kelestarian alam sekitar menjadi isu kritikal di peringkat tempatan dan antarabangsa. Mengikut Laporan Brundtland (1987), pembangunan mapan atau pembangunan lestari merupakan pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjejaskan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi kini, malah untuk generasi akan datang. Laporan ini turut menyatakan bahawa konsep pembangunan mapan ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa di samping tidak menjejaskan alam sekitar (Wheeler, 2004). Pada tahun yang sama, dalam sidang United Nations pada tahun 2005 mengenai pembangunan mapan telah dipersetujui tiga tonggak utama





kemampuan iaitu kemampuan ekonomi, sosial dan alam sekitar (United Nations, 2005). Tonggak-tonggak ini penting kerana dianggap dapat memenuhi keperluan asas manusia di peringkat tempatan dan global di samping tidak memusnahkan alam sekitar (Kates, Parris, Leiserowitz & Harvard, 2005).

Dalam menjelaskan konsep pembangunan mapan, beberapa sarjana membahagikan aspek kemampuan kepada tiga dimensi yang saling berkaitan, iaitu dimensi ekonomi, sosial dan fizikal/ekologi (Blowers, 1992). Kemampuan ekonomi merujuk kepada penggunaan secara lestari sumber-sumber yang ada bagi faedah yang terbaik. Idea ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan sumber-sumber dengan cara yang cekap dan bertanggungjawab serta memberi manfaat kepada manusia dan alam sekitar secara jangka panjang. Menurut Rolston (1994), model kemampuan ekologi adalah bagi mengekalkan kepelbagaian biologi dan integriti ekologi di samping memberi tumpuan kepada kesihatan dunia. Sumber alam sekitar penting untuk dikekalkan kerana manusia bergantung kepada sistem ekologi. Modal kemampuan sosial secara umum merujuk kepada kepercayaan yang dapat meningkatkan kecekapan masyarakat terhadap rangkaian hubungan sosial (Adger, 2001). Penentu modal kemampuan sosial termasuklah ciri-ciri peribadi seperti umur, jantina atau kesihatan, ciri-ciri keluarga, pendidikan dan pekerjaan, sikap dan nilai (Lehtonen, 2004). Kemampuan sosial boleh membawa kepada kesejahteraan individu, keluarga dan kejiranan (Stone & Hughes, 2002).





Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan Piagam Bumi (*Earth Charter*) pada tahun 1987. Ia adalah untuk membentuk piagam baharu bagi meningkatkan pembangunan mapan. Piagam Bumi (*Earth Charter*) mengandungi empat tunggak iaitu perlindungan terhadap alam sekitar, hak asasi manusia, kesaksamaan terhadap pembangunan manusia dan keamanan serta 16 prinsip untuk menggesa tanggungjawab bersama menjaga bumi (Plan, 2002). Prinsip pertama piagam ini ialah menghormati bumi dan kehidupan dalam semua kepelbagaian. Namun begitu, protokol Kyoto diperkenalkan pada tahun 1997 kerana kebanyakan negara gagal mengawal pelepasan gas rumah hijau (karbon dioksida) yang boleh menyebabkan pencemaran udara dan alam sekitar yang teruk (Nature, 2003).



Kyoto adalah hasil Persidangan Rangka Kerja PBB tentang perubahan iklim *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC), yang ditubuhkan semasa Sidang Kemuncak Bumi. Protokol Kyoto merupakan dokumen persetujuan negara-negara perindustrian bahawa mereka akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau sebanyak 5.2% berbanding tahun 1990. Enam jenis gas rumah hijau iaitu karbon dioksida, metana, nitrus oksida, sulfur heksafluorida, klorofluorokarbon (CFC), dan perfluorokarbon (PFC). Protokol Kyoto menetapkan tahap pengurangan pembebasan gas rumah kaca mengikut zon ialah 8% untuk Eropah, 7% untuk Amerika Syarikat, 6% untuk Jepun, 0% untuk Rusia, 8% untuk Australia dan 10% untuk Britain (Nature, 2003). Protokol Kyoto telah dikuatkuasakan oleh negara-negara maju yang disenaraikan dalam UNFCCC kerana negara-negara maju tersebut paling banyak membebaskan gas-gas rumah hijau (Nature, 2003). Pada tahun 2004,





penyertaan rasmi oleh Russia telah memenuhi syarat pembentukan protokol sebelum dikuatkuasakan pada tahun 2005. Protokol ini merupakan persetujuan di dalam Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai perubahan iklim (UNFCCC) tentang isu pemanasan global (Nature, 2003).

Negara-negara di dalam UNFCCC adalah sebanyak 197 buah negara termasuk Malaysia bersetuju untuk memberi komitmen bagi mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida serta gas rumah hijau. Selain itu, negara-negara ini bekerjasama dalam mengawal pembebasan gas rumah hijau yang menjadi punca kepada pemanasan global. Kenaikan suhu global dapat dikurangkan antara 0.2°C hingga 0.28°C sehingga tahun 2050 jika protokol ini berjaya dilaksanakan (Nature, 2003). Dari aspek penggunaan tenaga alternatif, PBB menyarankan penambahan sumber-sumber tenaga alternatif dari 15% kepada 30% untuk tahun 2030 (Jagannathan, 2013).

Terdapat beberapa negara sedang merangka piawaian dan sasaran bagi menghasilkan tenaga alternatif yang boleh diperbaharui antaranya China menetapkan pada tahun 2020 untuk mencapai 15% daripada bekalan sumber tenaga alternatif manakala Amerika Syarikat merancang untuk tahun 2017 untuk menjana 35 billion gilen bahan api alternatif (Jagannathan, 2013). Di samping itu, wujudnya Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) yang merupakan Deklarasi Milenium hasil kesepakatan perwakilan dari 189 negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membasmi kemiskinan tegar dan keburluan, untuk mencapai pendidikan seragam bagi semua, untuk menggalakkan kesaksamaan jantina dan memperkasakan wanita, untuk mengurangkan kematian kanak-kanak, untuk meningkatkan kesihatan ibu, untuk memerangi HIV/AIDS, malaria dan penyakit-penyakit lain, untuk memastikan kelestarian alam sekitar dan untuk membangunkan perkongsian global demi





pembangunan. Terdapat 189 negara yang terlibat dan 22 organisasi antarabangsa yang mana komited untuk membantu mencapai Matlamat Pembangunan Milenium pada tahun 2015.

Terdapat kebimbangan orang ramai secara meluas tentang kemiskinan, kelaparan, penyakit, ketidaksamaan gender di alam persekolahan yang tidak dipenuhi, dan pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, melalui pasukan PBB yang diketuai oleh Penyelaras Residen PBB, Ketua Setiausaha membuat pemantauan kemajuan untuk setiap negara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) dalam satu siri laporan kemajuan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan mampan, merangsang perbincangan, dan menggalakkan tindakan lanjut untuk pembangunan mampan (United Nations, 2010). *Millennium Development Goals* (MDG) menandakan sesuatu yang bersejarah dan berkesan kepada inisiatif untuk mencapai satu set keutamaan sosial yang penting di seluruh dunia. Dengan mengabungkan keutamaan ini ke dalam satu set yang mudah difahami daripada lapan matlamat, dan dengan mewujudkan objektif yang boleh diukur, MDG membantu negara-negara membangun untuk meningkatkan kesedaran global, politik akauntabiliti, kesaksamaan gender dan keadilan sosial (UNESCO, 2010). Walaupun MDG telah dilancarkan namun begitu terdapat beberapa kelemahan agenda MDG iaitu masalah kelestarian alam sekitar, masalah sosial dan kemiskinan yang masih berleluasa. Oleh yang demikian, *sustainable development goal* (SDG) pula dilancarkan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.





Pada tahun 2015, *Sustainable Development Goal* (SDG) diwujudkan bagi mengatasi dan seterusnya memperbaiki kelemahan agenda MDG termasuk masalah ekonomi, sosial dan alam sekitar yang semakin kritikal (Griggs, Smith, Rockstrom, Ohman, Gaffney, Glaser & Shyamsundar, 2014). Di sebabkan oleh usaha-usaha sebelum ini sering mengambil pandangan yang sempit terhadap pembangunan ekonomi, maka SDG lebih menfokus kepada strategi jangka panjang, terbuka, dan telus dengan penglibatan banyak pihak dalam pelbagai peringkat perbincangan, berbeza dengan usaha-usaha sebelum ini yang hanya melibatkan kumpulan kecil PBB. Perhimpunan Agung PBB mengusulkan cadangan mengenai SDG yang berkaitan dengan cadangan pembangunan mapan. Antara cadangan tersebut ialah membasmi kemiskinan dan kelaparan, peningkatan taraf kesihatan dan pendidikan, menjadikan bandar lebih mapan, mengawal perubahan iklim, dan melindungi lautan dan hutan (United Nations General Assembly, 2005). Iltizam ditunjukkan oleh Malaysia dalam melaksanakan MDG yang berakhir pada 2015 menunjukkan pencapaian dan peningkatan diperoleh negara dalam tempoh 15 tahun yang lampau telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Agenda MDG kini telah diambil alih oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau Agenda Global sehingga tahun 2030 (Berita Harian, 2016).

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau lebih dikenali sebagai agenda 2030 yang menfokus kepada pembangunan mapan merupakan agenda untuk mengubah pendekatan global terhadap cabaran ekonomi, sosial dan alam sekitar (Stevens & Kanie, 2016). Pembangunan lestari bukan hanya agenda alam sekitar, turut juga merupakan agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi menyeluruh (Berita Harian, 2017). Antara elemen dalam agenda 2030 pembangunan





mapan adalah 17 aspek utama pembangunan mapan iaitu dari segi kemiskinan, makanan, kesihatan, pendidikan, wanita, air, tenaga, ekonomi, infrastruktur, ketidaksamaan, habitat, penggunaan, iklim, ekosistem *marine*, ekosistem dan institusi (Records, 2001). UNESCO (Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan PBB) telah mengiktiraf kesaksamaan gender dan pemerdayaan wanita yang merupakan salah satu keutamaan di era global ini (UNESCO, 2014). Misalnya dalam membentuk konsep komuniti mapan untuk komuniti minoriti seperti Orang Asli, wujudnya satu Laporan Strategi Pembangunan Mapan dan Agenda 21 Selangor, yang membabitkan komuniti Orang Asli (JPBD Selangor & Lestari, 2001) yang dapat dijadikan panduan penilaian dan pertimbangan. Hasilnya, komuniti Orang Asli di Pulau Carey, Selangor mengalami perubahan demi perubahan walaupun dalam keadaan yang perlahan. Hubungan dengan masyarakat luar telah banyak memberikan pendedahan baharu kepada komuniti Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman.

Kajian terhadap konsep komuniti mapan dalam kalangan masyarakat Orang Asli turut mengambil kira kepentingan ilmu pengetahuan peribumi (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007). Pulido dan Bocco (2003) adalah pengkaji tentang kehidupan komuniti peribumi melihat bahawa ilmu pengetahuan tradisional yang diwarisi oleh komuniti peribumi membawa kepada kelangsungan hidup melalui amalan-amalan harian yang mapan. Tambahan pula, masyarakat peribumi mementingkan keseimbangan dalam kehidupan mereka dimana alam sekeliling mereka merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka. Keseimbangan merupakan salah satu kekuatan dalaman dalam kelangsungan hidup kaum peribumi (Surasin, 1996).





Menurut Gregory (2003), pengetahuan peribumi boleh memberikan kesan penting kepada konsep komuniti mapan. Amalan harian yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisional dapat membentuk sebuah komuniti yang berjaya memelihara nilai-nilai budaya yang positif, menjaga sumber alam sekitar serta dapat membentuk hubungan dengan persekitaran secara mesra alam (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007). Gregory (2003) juga melihat bahawa amalan tradisional oleh komuniti peribumi bertepatan dengan keperluan mereka serta mengikut konsep keseimbangan dan kelestarian (Rasul & Thapa, 2003). Pembangunan mapan adalah satu konsep yang merangkumi aspek-aspek sosiobudaya, alam sekitar dan ekonomi (Majumdar, 2011). Dalam konteks ekonomi, golongan terpinggir termasuk komuniti Orang Asli perlu didedahkan dengan kemahiran agar dapat meningkatkan lagi keupayaan ekonomi mereka dari aspek mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.



Namun proses transformasi dan integrasi komuniti peribumi dengan sistem ekonomi moden telah mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Menurut Surasin (1996), proses kemodenan telah meningkatkan tekanan untuk membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang bergantung kepada pasaran nilai-nilai individualistik. Kawasan hutan yang sebelum ini menjadi sumber ekonomi, makanan dan ubat-ubatan yang bermanfaat untuk komuniti peribumi telah diteroka dengan pelbagai agenda kegiatan ekonomi moden untuk menggantikan sistem tradisional. Misalnya penggunaan jentera moden, baja dan racun kimia yang tinggi telah menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar seperti pencemaran air, udara dan bunyi. Komuniti peribumi turut menerima tempas kesan daripada pembangunan ini seperti hilangnya identiti asal mereka dan menghakis amalan budaya komuniti Orang Asli. Hasil hutan seperti pisang hutan,





pucuk tumbuhan (seperti pucuk paku dan daun ulaman seperti serai kayu), petai dan rebung menjadi sumber pendapatan bagi sesetengah Orang Asli telah mula berkurangan (Ma'Rof & Sarjit, 2008).

Sekiranya pembangunan yang berleluasa ini terus berlaku dan tiada kawalan yang ketat untuk membendungnya, diragui isu agenda pembangunan mapan bagi komuniti Orang Asli tidak berjaya dilaksanakan dan mengakibatkan mereka masih dalam belenggu kemiskinan, kemunduran, hilang identiti dan kepupusan ilmu pengetahuan peribumi yang diwarisi sejak turun temurun (Mohd Nur Syufaat Jamiran & Seow Ta Wee, 2013). Oleh yang demikian, pembangunan mapan merupakan konsep asas bagi strategi pembangunan komuniti Orang Asli (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007) termasuk melestarikan pelancongan peribumi.

Misalnya, masyarakat Orang Asli Mah Meri di kampung sungai bumbum, Pulau Carey, Selangor yang sememangnya diketahui umum dengan kegiatan kraftangan.

Antara kegiatan kraftangan tersebut seperti seni ukiran dan anyaman yang menjadi tumpuan bagi pelancong asing yang datang berkunjung ke penempatan mereka (Rohayu & Noor Sharipah, 2013). Manakala di negeri pahang, masyarakat Orang Asli iaitu suku kaum Jakun yang mendiami Taman Negeri Endau Rompin terlibat dalam pelancongan peribumi dengan bekerja sebagai jurupandu kepada pelancong luar negara (Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, 2015). Masyarakat Orang Asli Semai di Bera, Pahang turut menjalani kehidupan pelancongan peribumi di tasik Bera. Begitu juga di Taman Royal Belum suku kaum Jahai dan Temiar menjadi tarikan kepada pelancong asing untuk berkunjung ke penempatan mereka (Awang et al., 2015). Tarian sewang, seni





kreatif, alat muzik dan kraftangan merupakan antara tarikan bagi pelancongan asing untuk datang berkunjung ke penempatan masyarakat Orang Asli (Adi, Hood & Rashid, 2006). Namun, kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli memerlukan suatu mekanisme yang baharu agar amalan tradisi komuniti Orang Asli dapat dikekalkan dan dipulihara untuk generasi akan datang (Mohd Nur Syufaat Jamiran & Seow Ta Wee, 2013). Oleh yang demikian, satu kajian empirikal perlu dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor.

Pada awal abad ke-21, pelancongan telah menjadi industri global. Menurut ramalan Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) hasil pelancongan antarabangsa melebihi AS \$1 trilion, dan 1.1 billion pelancong hari ini dijangka mencecah 1.8 billion pada tahun 2030. Hasilnya, pada tahun-tahun kebelakangan ini, destinasi pelancongan telah menghadapi beberapa permasalahan berkenaan dengan mengekalkan kemampanan. Antara permasalahan tersebut ialah destinasi pelancongan mesti menjadi lebih bersih, hijau dan selamat untuk melindungi kualiti hidup bukan sahaja untuk percutian tetapi juga penduduk setempat. Ini juga penting untuk menarik pelaburan dan menggalakkan pembangunan pelancongan, yang akan membawa kepada faedah ekonomi untuk destinasi saingan. Oleh itu, pertimbangan yang paling penting adalah aplikasi pelancongan alam sekitar yang mampan dan lestari (Ratcliffe & Flanagan, 2004). Perkembangan terkini memberi tekanan kepada sumber budaya, alam sekitar dan pelancongan ekonomi. Isu ini merupakan cabaran yang besar bagi masa depan industri ini secara keseluruhannya, dan untuk destinasi khususnya (Andres & Kozak, 2016).





Pelancongan adalah salah satu industri yang penting dalam ekonomi hari ini kerana memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi dalam sesebuah negara. Di kebanyakan negara, pelancongan adalah pilihan yang baik untuk pertumbuhan dan semasa kelembapan ekonomi, pelancongan menawarkan rangsangan yang sangat baik untuk ekonomi tempatan (Andres & Kozak, 2016). Menurut *World Travel and Tourism Council (WTTC)*, pelancongan telah menyumbang 10% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dalam tempoh 20 tahun yang lalu (World Travel & Tourism Council, 2016). Dari segi geografi, pelancongan adalah bagi melihat kepada aspek seperti lokasi, iklim, landskap, alam sekitar, perancangan fizikal di samping penyediaan kemudahan untuk para pelancong (Gurminder Preet Singh, 2016). Manakala, pelancongan yang melibatkan masyarakat peribumi dapat menghasilkan sumber ekonomi baharu seperti yang dilakukan di Western Samoa (Notzke, 2006) dan di Taman Negara Pangnirtung (Reimer & Dialla, 1992) serta mempertahankan budaya dan cara hidup mereka daripada terhakis oleh pengaruh dari luar (Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, 2015).

Di Malaysia, misalnya pelancongan peribumi bagi komuniti Orang Asli di Royal Belum Temenggor Perak yang melibatkan dua perkampungan Orang Asli di Kampung Semelor dan Kampung Sg. Tiang bertempat di Royal Belum dan *Temenggor Forest Complex (RBTFC)* di negeri Perak di mana persepsi masyarakat mengenai perancangan potensi dan kesediaan mereka untuk projek-projek pelancongan eko-budaya lestari disambut baik oleh komuniti Orang Asli (Kamarudin, Ngah, Abd Wahid, & Razak, 2015). Penyertaan yang aktif daripada masyarakat setempat dapat dikenalpasti melalui tingkah laku tuan rumah dalam menerima





kedatangan pelancong ke penempatan mereka (Lepp, 2007). Menurut Carter (1994), dan Bernardo (2011) penglibatan masyarakat setempat dilihat terbaik dalam pengurusan secara kecil-kecilan dan seterusnya membawa kepada penglibatan penduduk tempatan melalui andaian-andaian wujudnya kos efektif iaitu adanya pertimbangan untuk infrastuktur asas seperti air, elektrik, telekomunikasi dan jalan raya yang merupakan perkara penting yang perlu dipertimbangkan. Kawasan penempatan Orang Asli dapat dipelihara kecantikan dan biodiversiti hutan di samping dapat mempelbagaikan sumber pendapatan masyarakat Orang Asli yang membolehkan Orang Asli memperoleh pendapatan berterusan dan stabil di samping mereka dapat mengekalkan pekerjaan tanpa perlu berhijrah keluar demi mencari pekerjaan yang baharu (Kamarudin et al., 2015).



komuniti peribumi perlu dikaji untuk mengetahui tentang keunikan masyarakat peribumi ini dalam menguruskan sumber alam sekitar yang mana dapat disatukan bersama pendekatan moden untuk menghasilkan strategi kelestarian pelancongan peribumi. Namun, usaha merangka strategi kelestarian pelancongan peribumi semakin sukar dan mencabar kesan daripada perkembangan arus kemodenan. Komuniti Orang Asli dikhuatiri akan tercicir dan mundur disebabkan oleh tidak memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk membangunkan pelancongan peribumi (Awang et al., 2015). Justeru, satu kajian empirikal diperlukan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi dari aspek modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut anggaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), terdapat kira-kira 370 juta masyarakat peribumi di dunia, dan lebih kurang dua pertiga daripada mereka tinggal di Asia (United Nations, 20012; UNDP, 2012; Ramlee, 2013). Dalam beberapa dekad yang lalu, masyarakat peribumi di Asia berjuang bagi mengukuhkan hak mereka dalam menentukan nasib demi melindungi wilayah dan sumber mereka (Ramlee, 2013). Orang Asli secara tradisinya bergantung kepada memburu, memancing dan mengutip hasil hutan bagi menampung keperluan kehidupan seharian mereka. Masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti penduduk Malaysia dan merupakan komuniti peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia (Ma'Rof & Sarjit, 2008).



Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli, 38% mendiami di kawasan pendalaman, 61% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Mereka terdiri daripada tiga kategori utama Orang Asli iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Setiap kategori pula terdiri daripada sub kategori suku kaum yang mana mereka bertutur dalam bahasa ibunda selain daripada dialek Melayu tempatan (JAKOA, 2011). Takrifan Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub dalam Perkara 160 (2) yang menyatakan bahawa Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Dari aspek undang-undang, kedudukan Orang Asli telah diperuntukkan di bawah undang-undang yang khusus, iaitu Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Akta ini telah dikanunkan khusus bagi menjaga kepentingan dan kebajikan Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Nordin, Hassan,



Ganesan, Ahmad, & Balakrishnan, 2013). Seksyen 3, Akta 134 mentakrifkan Orang Asli dengan mengelaskan Orang Asli seperti berikut:

- i) Mana-mana orang yang bapanya ialah ahli daripada etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- ii) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan telah dibesarkan sebagai seorang asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan ialah daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Menurut Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (2009), masyarakat Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan merupakan sebahagian daripada penduduk peribumi di samping kaum Bumiputera Semenanjung (Melayu, Siam, Mamak), Bumiputera Sabah (Kadazan, Dusun, Murut, Bajau) dan Bumiputera Sarawak (Iban, Kenyah, Bidayan). Merujuk perangkaan yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Ekonomi Orang Asli (JHEOA), jumlah keseluruhan Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 2003 ialah seramai 147,412 orang (Zainal Abidin Ali, 2008) yang dapat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu Negrito, Senoi dan



Melayu Proto. Setiap kaum induk Orang Asli dapat pula dibahagikan kepada pelbagai suku kaum. Senoi merupakan kaum induk yang terbesar iaitu dengan jumlah mereka adalah sebanyak 81,826 orang (55.5%) diikuti oleh kaum Melayu Proto sebanyak 61,585 (41.77%) dan Negrito sebanyak 4,001 yang merupakan kumpulan paling *primitive* (2.71%) (Zainal Abidin Ali, 2008). Istilah ‘Orang Asli’ digunakan selepas merdeka bagi padanan untuk istilah “*Aboriginal People*” seperti yang termaktub di bawah *Aboriginal People Ordinance 1954*. Ahli etnografi membahagikan kelompok Orang Asli berdasarkan perbezaan asal-usul, bahasa, dan rupa bentuk fizikal mereka iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Lin & Mohd Risdi, 2008).

Dalam kelompok Senoi terdapat suku kaum Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Mah Meri dan Semag Beri mendiami kawasan di Perak dan Pahang. Bagi Melayu Proto pula terdiri daripada suku kaum Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar yang menduduki kawasan sekitar Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Selangor. Manakala dalam kelompok Negrito pula adanya beberapa suku kaum iaitu Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendriq dan Bateq yang mendiami kawasan di Kelantan, Perak dan Pahang (Khor & Mohd Shariff, 2008). Pada tahun 2011, Pahang adalah negeri yang mempunyai jumlah penduduk Orang Asli paling ramai iaitu sebanyak 67,506 orang (37.9%) diikuti oleh Perak iaitu 53,299 orang (29.9%) dan Selangor iaitu sebanyak 17,587 orang (9.9%) (JAKOA, 2011).

Di Malaysia, industri pelancongan telah pesat membangun sekitar tahun 1972 seiring dengan penubuhan *Tourism Development Corporation Malaysia* (TDCM). Namun, perkembangan yang pesat dalam industri pelancongan ini berlaku 15 tahun kemudian apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan dibentuk





pada tahun 1987 bagi mengembangkan industri ini. Perkembangan industri pelancongan di Malaysia dapat dilihat melalui pertambahan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara tahun 1990 hingga 2013 yang menunjukkan peningkatan pendapatan dari RM 2,575.1 juta kepada RM 65.44 billion (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2013). Industri pelancongan telah mendapat fokus utama kesan daripada sumbangan kepada ekonomi negara. Seterusnya *sustainable tourism* yang memberi fokus kepada *nature tourism* diperkenalkan sekitar awal tahun 1990an yang merujuk kepada ekopelancongan (Awang et al., 2015). Di peringkat awal perkembangan ekopelancongan di Malaysia misalnya tumpuan diberikan kepada kunjungan ke kawasan hutan hujan dan terumbu karang. Namun permintaan oleh pelancong dari dalam dan luar negara terhadap budaya dan cara hidup masyarakat tempatan atau “*community-base*” telah dapat mengembangkan industri pelancongan ini (Zeppel, 2006). Walaubagaimanapun, masih terdapat kelemahan dari segi pengangkutan dan perkhidmatan jalan raya (Ah Choy, Atan, Muhammed, Sakawi, & JH, 2012) yang perlu ditambahbaik.

Di Semenanjung Malaysia, wujudnya penglibatan komuniti Orang Asli dan kegiatan ekopelancongan yang dapat membolehkan golongan ini meningkatkan status sosioekonomi mereka. Pengenalan kepada kegiatan pelancongan yang membabitkan budaya masyarakat tempatan telah mendapat tempat dan turut di beri perhatian oleh pihak kerajaan. Hal ini terbukti menerusi pelan perancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau *Northern Coridor Economy Region* (NCER) yang terdiri daripada negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan Perak Utara. Umum mengetahui kawasan ini khususnya adalah tidak seimbang dari segi pembangunan ekonomi telah mendapat perhatian untuk menjalankan pelan pembangunan ekonomi





iaitu kegiatan “ekopelancongan”. Kegiatan ekopelancongan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mantap disebabkan oleh aset semulajadi yang mempunyai nilai yang sangat tinggi (Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, 2015). Namun, aktiviti promosi pelancongan masih belum diperluaskan lagi (Ah Choy et al., 2012).

Ekopelancongan merupakan aktiviti pelancongan yang harmoni dengan persekitaran (Ah Choy, 2012). Konsep ini menumpukan kepada pertimbangan dan sensitif terhadap ekologi, kawalan, integrasi dengan sosiobudaya dan penerapan nilai-nilai mapan. Pelaksanaan konsep ini mampu mencapai “simbiosis” antara pemuliharaan dan pembangunan (Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad, 2012). Seterusnya selepas 1950an sehingga menjelang 1980an, kelihatan muncul ‘*special interest*’ atau minat khusus kepada pelancong ke atas aktiviti ini di samping elemen pendidikan yang masih diteruskan. Bermula 1981 sehingga 1988 muncul elemen baharu yang menampakkan aktiviti pemerhatian ke atas budaya dan alam semula jadi mula diberi perhatian. Pada tahap perkembangan yang keempat penekanan diberikan kepada usaha untuk menambah keuntungan dari segi ekonomi kepada masyarakat atau kawasan terbabit. Tahap kelima memperlihatkan perkembangan ke arah mementingkan keadaan alam sekitar dan sosiobudaya yang positif. Akan tetapi, sokongan daripada pihak berkuasa masih kurang diberikan terhadap aktiviti ekopelancongan (Ah Choy et al., 2012).





Kesan daripada perkembangan sektor pelancongan menyebabkan pelbagai pihak tampil kehadapan seperti pihak kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu mengembangkan kegiatan ini. Pada tahun 2001, pihak *United Nations Global Environmental Facilities* telah memperuntukkan sejumlah USD2,000 kepada Persatuan Pencinta Alam Malaysia untuk memberi latihan kemahiran kepada masyarakat Semai di Ulu Geroh, Perak (Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, 2015). Pada tahun 2002, masyarakat Semai telah diberi latihan sebagai “jurupandu” atau *nature guides*, *tour operators*, dan *handicrafters* sebagai salah satu cara dalam memperkenalkan kegiatan ekopelancongan dalam kalangan masyarakat Orang Asli (UNDP 2004; Zeppel, 2006).

Melalui latihan dan kemahiran yang diberikan kepada masyarakat Semai ini seterusnya membolehkan mereka menjadi jurupandu kepada pelawat yang mengunjungi Hutan Simpan Bukit Kinta. Hutan ini mempunyai tarikannya yang tersendiri iaitu bunga Raflesia dan pelbagai jenis flora dan fauna yang lain (Zeppel, 2006). Penglibatan masyarakat peribumi dalam industri pelancongan bukanlah merupakan perkara yang baharu, sebaliknya telah berkembang dan dikenali sebagai “*indigenous tourism*” atau “*ethnic tourism*”. Namun di Malaysia keadaanya sedikit berbeza berikutan kunjungan pelancong asing ke kawasan komuniti Orang Asli masih pada peringkat awal. Beberapa kajian lepas telah dijalankan, namun begitu masih kurang kajian berkaitan tentang pelancongan peribumi terutama dalam kalangan Orang Asli. Oleh sebab itu, adalah kritikal kajian ini dijalankan bagi mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi dalam komuniti masyarakat Orang Asli.





Pelancongan Orang Asli boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk aktiviti pelancongan di mana Orang Asli terlibat secara langsung sama ada mengawal atau mempersembahkan kebudayaan mereka sebagai asas tarikan (Rohayu Roddin & Sidi, 2013). Projek Pelancongan peribumi lebih tertumpu kepada memperkenalkan destinasi percutian dan rekreasi di penempatan Orang Asli yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai projek pelancongan. Secara tidak langsung, ini dapat menambahkan pendapatan ekonomi melalui persembahan kebudayaan, penjualan barang untuk hasil hutan dan menjadi pemandu pelancong.

Peruntukkan sebanyak empat juta ringgit telah diperuntukkan untuk menjayakan program pelancongan peribumi yang melibatkan kawasan penempatan masyarakat Orang Asli di kawasan Telok Tongkah di Selangor, Kg. Bukit Kepong di Negeri Sembilan dan Kg. Bakar Batu, Johor (Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat, Zainal Zuhilmi, & Siti Aminah, 2013). Penglibatan golongan miskin dan terpinggir dalam perancangan dan pengurusan pelancongan peribumi adalah penting untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Pelancongan boleh membuka peluang melalui penglibatan dalam mengurus dan mengawal aktiviti penting sosio-ekonomi, memperkasa masyarakat peribumi untuk berunding dengan ahli ekonomi dan melatih mereka mendapatkan hasil dan kelebihan ekonomi yang dibentuk (Goodwin, 2007).

Di samping itu, sejumlah sembilan juta ringgit telah disediakan oleh pihak kerajaan dalam menjalankan projek pengembangan kursus yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada petani, penternak dan nelayan melalui kursus, ceramah, lawatan sambil belajar dan latihan amali mengenai





teknik-teknik atau teknologi moden dan komersial untuk tahun 2008 (Wee et al., 2013). Pada tahun yang sama, sejumlah RM 380,000.00 telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam memberi latihan bagi tujuan bimbingan usahawan yang mana peruntukkan bantuan berbentuk peralatan, mesin dan kursus atau latihan keusahawanan untuk mewujudkan usahawan Orang Asli yang berdaya tahan dan maju selaras dengan hasrat kerajaan bagi melibatkan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana (IKS) (Wee et al., 2013).

Dari perspektif ekonomi, masyarakat peribumi dilihat sebagai mempunyai kelebihan untuk memajukan sektor pelancongan peribumi berdasarkan budaya mereka yang unik, layanan dan tanah tradisi mereka. Hubungan antara pengekalan budaya dan ekonomi saling bergantung di mana budaya dilihat mampu menyumbang kepada kejayaan ekonomi dan kejayaan ekonomi menyumbang kepada pengekalan budaya (Hinch & Butler, 2007). Pelancong yang datang berkunjung bukan hanya mengunjungi sekumpulan masyarakat untuk melihat budaya dan cara hidup yang 'exotic' sebaliknya pelancong diberi pendedahan terhadap cara pembuatan barangan kraf seperti barangan dan pakaian dan cara membuat jerat bagi memburu binatang yang dihasilkan oleh komuniti Orang Asli. Perkembangan ini sedikit sebanyak dapat mengembang luaskan budaya komuniti peribumi yang terbabit. Oleh yang demikian, budaya dan cara hidup komuniti Orang Asli ini akan dapat dikongsi, dimartabat dan dapat dikekalkan (Awang et al., 2015).





Hasil seni Orang Asli boleh diperolehi di Muzium Orang Asli Gombak, Pasar Seni, malah ada yang turut dijual di hentian Rawat dan Rehat Lebuhraya Utara-Selatan. Pengunjung yang melawat penempatan Orang Asli juga berpeluang mendapatkan hasil kraftangan mereka. Nyanyian dan tarian tidak lengkap tanpa alat muzik. Hasil dari kreativiti masyarakat Orang Asli, alatan muzik dari bahan-bahan tempatan direka cipta mengikut bunyi yang diingini. Antara alat muzik tradisional mereka ialah Siol (Seruling Buluh), Gooh (Buluh Cenlong), Genggong (Ranggol), Bataq (Gendang) dan Korep (Gitar Buluh). Orang Asli juga menghasilkan barang-barang kraftangan, unsur-unsur seni yang berkait rapat dengan motif dan corak diterapkan pada ukiran kayu, buluh, anyaman, perhiasan diri, sumpitan, tabung damak dan sebagainya (Adi, Hood & Rashid, 2006). Walaupun terdapat banyak hasil seni yang dibuat oleh komuniti Orang Asli, namun terdapat beberapa kelemahan berkaitan



Antara kelemahan berkaitan industri pelancongan peribumi ialah dari sudut kemunduran dan kemiskinan yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli (Noraida Harun & Noor' Ashikin Hamid, 2010). Pada tahun 2008, JAKOA telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM58,540,000 untuk melaksanakan pembangunan sosial antaranya ialah untuk Program Perumahan Rakyat Termiskin, perumahan ketua masyarakat, infrastruktur dan kemudahan awam, kesihatan dan perubatan, pembangunan keluarga dan masyarakat, kemudahan pentadbiran JAKOA dan program pembangunan minda (Wee et al., 2013).





Selain itu, elemen kelemahan pelancongan peribumi ialah dari segi kawasan tarikan pelancongan, perkhidmatan, infrastruktur, pengangkutan dan penilaian kemampuan (Suzita et al., 2015). Dari segi kawasan tarikan pelancongan, keadaan semasa produk ekopelancongan hanya dapat menarik minat bagi pelawat harian dan bersifat rekreasi sahaja. Tambahan pula, penyediaan kemudahan bagi menyokong pembangunan pelancongan tidaklah begitu memuaskan dan masih pada peringkat penambahbaikan. Elemen kelemahan pelancongan peribumi di Royal Belum misalnya dari segi perkhidmatan pula ialah terdapat beberapa kemudahan penginapan yang disediakan hanyalah terbuka bagi kakitangan agensi sahaja. Dari sudut infrastruktur sosial pula, kemudahan bagi infrastruktur masih berada pada tahap yang kurang memuaskan terutamanya bagi aspek kemudahan asas misalnya dari segi bekalan elektrik.



Tahap penyediaan dan pelaksanaan kemudahan bagi infrastruktur pembangunan pelancongan peribumi masih berada pada tahap kurang memuaskan dan perlahan. Hal ini ditambah pula dengan ketiadaan program bersepadu yang dapat melibatkan masyarakat tempatan dalam aktiviti ekopelancongan. Kawasan sensitif terhadap alam sekitar tidak dilindungi kepentingannya misalnya terhadap penguatkuasaan dan pemantauan yang lemah oleh badan-badan yang bertanggungjawab yang seterusnya mengakibatkan berlakunya pencerobohan terutamanya di kawasan sensitif alam sekitar. Hal ini ditambah pula dengan ketiadaan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti yang melibatkan perlindungan kawasan hutan. Dari segi pengangkutan lalu lintas pula, pembinaan dan penyediaan pengangkutan yang berada pada tahap yang rendah dan kurang memuaskan yang menyebabkan kelemahan dalam pelancongan peribumi ini (Suzita et al., 2015). Kesan





daripada pembinaan empangan di kawasan pelancongan peribumi turut mengakibatkan penilaian kemampuan berada pada tahap yang rendah.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat kajian yang telah dijalankan berkaitan industri pelancongan peribumi dan dapatan menunjukkan bahawa kemunduran dan kemiskinan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha membangunkan komuniti Orang Asli secara berkesan (Noraida Harun & Noor' Ashikin Hamid, 2010). Pada tahun 2009, masyarakat Orang Asli mencatat kadar kemiskinan sebanyak 49% yang menunjukkan bahawa satu daripada dua Orang Asli adalah miskin pada ketika itu (Azlina & Ma'rof, 2013). Misalnya kajian oleh (Norlida et al., 2012) di kawasan perkampungan Sungai Ruil, Cameron Highland mendapati bahawa majoriti Orang Asli masih berpendapatan rendah. Terdapat hanya 1.5% daripada komuniti yang mempunyai pendapatan RM1500 hingga RM 2000 manakala yang lain adalah kurang daripada RM1500.

Kemiskinan dalam kalangan Orang Asli dikatakan turut memberi sumbangan besar kepada data kemiskinan negara secara umumnya. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM417,400,000 untuk pelbagai strategi dan program bagi mengurangkan tahap kemiskinan yang tinggi dan tegar dalam kalangan Orang Asli termasuklah program ekonomi, inisiatif penempatan semula, dan program-program yang bertujuan untuk pembangunan modal insan (Bhuiyan et al., 2012). Isu permasalahan mengenai kemiskinan ini akan turut membantutkan proses pembangunan masyarakat Orang Asli, serta menjadi halangan





kepada usaha penyepaduan kelompok Orang Asli dengan arus kemajuan nasional sebagaimana yang dikecapi kaum lain. Justeru, dalam Rancangan Malaysia kesepuluh, kerajaan telah mensasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti Orang Asli daripada 50% pada tahun 2009 kepada 25% pada tahun 2015 (Azlina & Ma'rof, 2013).

Di samping itu, cara hidup tradisi Orang Asli merupakan punca utama komuniti tersebut berada di bawah paras kemiskinan (Suki Mee, 2005). Oleh sebab itu, program pelancongan peribumi dijalankan dalam kalangan masyarakat Orang Asli agar dapat meningkatkan tahap ekonomi masyarakat Orang Asli amnya. Namun sikap dan cara berfikir masyarakat Orang Asli ialah cabaran terbesar yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam usaha membangunkan komuniti Orang Asli. Sejak dahulu lagi, pelbagai pihak melabelkan Orang Asli sebagai masyarakat yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, rendah diri, pemalu, kurang keyakinan diri, tidak menghayati budaya kerja yang produktif dan berdaya tahan rendah dalam menghadapi cabaran dan persaingan dari luar (Khairul Hisyam & Ibrahim, 2007). Pada tahun 2008, sebanyak RM 320,000 telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam membina ruang niaga untuk kemudahan masyarakat Orang Asli (Wee et al., 2010). Kerajaan menyediakan kemudahan ruang niaga dan bengkel kepada peniaga atau usahawan Orang Asli di lokasi yang mempunyai potensi untuk meningkatkan perniagaan peruncitan, perkhidmatan dan pembuatan pembinaan yang merangkumi kawasan di negeri Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang (Wee et al., 2013). Akan tetapi kemudahan bagi infrastruktur masih berada pada tahap yang kurang memuaskan terutamanya bagi aspek kemudahan asas misalnya dari segi bekalan elektrik. Tahap penyediaan dan pelaksanaan kemudahan bagi infrastruktur untuk tujuan pembangunan





pelancongan masih berada pada tahap kurang memuaskan dan perlahan. Hal ini ditambah pula dengan ketiadaan program bersepadu yang dapat melibatkan masyarakat tempatan dalam aktiviti ekopelancongan (Suzita et al., 2015).

Menurut Zalizan Mohd Jelas dan Abdul Razaq Ahmad (2009), ciri-ciri peribadi merupakan salah satu punca kemunduran masyarakat Orang Asli. Kebanyakan Orang Asli mudah merasa selesa dengan hasil yang diperoleh tanpa memikirkan pendapatan jangka panjang (Khairul Hisyam & Ibrahim, 2007; Mustaffa, 2008). Oleh yang demikian, perkara ini mungkin menjadi punca kepada kegagalan pelancongan peribumi yang diwujudkan oleh pihak kerajaan. Selain itu, pekerjaan tradisi misalnya masuk hutan dan memburu, sudah tidak lagi diminati oleh golongan muda kerana hasil dan pendapatan daripada jualan sumber hutan adalah tidak tetap serta dianggap tidak setimpal dengan penat lelah mereka. Akibat desakan hidup, golongan belia gemar berhijrah ke bandar atau berulang-alik bekerja di pekan berdekatan. Ini akan memberi kesan terhadap pelancongan peribumi dari segi pengekalan pemeliharaan budaya Orang Asli (Liu, 2015).

Walau bagaimanapun penghijrahan belia Orang Asli ke bandar untuk membaiki taraf kehidupan mereka tidak mampu menjadikan kehidupan lebih baik kerana kebanyakan mereka hanya terlibat dengan pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang rendah, misalnya buruh binaan, pekerja kontrak di ladang, pembantu restoran dan tukang kebun. Kurangnya ilmu pengetahuan menjadi punca belia Orang Asli gagal mendapat pekerjaan yang baik. Tambahan pula, terutamanya golongan dewasa mereka juga turut ditipu oleh orang tengah disebabkan oleh masalah buta huruf dan ketiadaan ilmu berkaitan dengan pemasaran. Perkara ini dapat memberi





kesan kepada kelestarian pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli (Khairul Hisyam & Ibrahim, 2007).

Umum mengetahui dari segi pendidikan, pencapaian murid Orang Asli dalam bidang pendidikan masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan pencapaian warga Malaysia yang lain (Toh Kit Siang, 2008). Kadar keciciran dalam pendidikan yang tinggi bermula daripada pra sekolah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi adalah daripada kumpulan minoriti masyarakat Orang Asli (Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman & Siti Hajar Idris, 2012). Kajian yang dijalankan oleh Zainal Abidin (2008) melihat bahawa kadar keciciran pelajar Orang Asli adalah lebih tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Perkara ini dapat dilihat iaitu pada tahun 2008 status pendidikan Orang Asli yang bersekolah di sekolah menengah mencatat peratusan sebanyak 26% berbanding yang bersekolah di sekolah rendah iaitu sebanyak 74% dan pada tahun itu, golongan remaja Orang Asli yang memasuki IPTA sebanyak 63 orang sahaja (JAKOA, 2012).

Pelancongan peribumi memerlukan Orang Asli yang mahir berbahasa Inggeris dan mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya mengenai industri pelancongan yang mereka tawarkan. Namun apabila lebih daripada 70% murid Orang Asli tidak mencapai tahap kompetensi minimum dalam Bahasa Inggeris (90%), Matematik (74%) dan Sains (83%) menyebabkan kurangnya penguasaan ilmu pengetahuan yang dimiliki Orang Asli dalam bidang pendidikan. Bagi matapelajaran Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa perantaraan di sekolah pula sebanyak 51% murid Orang Asli tidak mencapai tahap minimum kompetensi. Oleh sebab itu, Orang Asli perlu





menguasai dua bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) sebagai langkah awal dalam usaha mengembangkan ekopelancongan di Malaysia. Melalui peningkatan dalam taraf pendidikan masyarakat Orang Asli seterusnya dapat membawa kepada penglibatan masyarakat Orang Asli dalam industri pelancongan peribumi.

Kurangnya penglibatan dan kerjasama daripada masyarakat setempat untuk menjayakan program “*indigenous tourism*” merupakan antara permasalahan dalam melestarikan pelancongan peribumi. Oleh yang demikian, penglibatan dan kerjasama daripada masyarakat setempat terutamanya dalam perkara yang melibatkan persekitaran contohnya seperti hutan dalam kajian ini penting disebabkan oleh mereka mendiami kawasan tersebut dan mereka turut mahir dan memahami keadaan persekitaran di tempat tinggal mereka dan secara tidak langsung mereka boleh memberi dan menyumbang maklumat asas yang berguna untuk menjayakan kegiatan pelancongan peribumi ini (Nur Atiqah Kamarus Zaman et al., 2014).

Penglibatan masyarakat peribumi juga dapat diluaskan melalui cara melibatkan mereka dalam sektor pekerjaan yang wujud hasil daripada perkembangan industri ini. Namun terdapat beberapa halangan untuk memajukan masyarakat peribumi yang terlibat dalam projek pelancongan seperti kekurangan modal, kurang ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan perniagaan yang membawa kesan kepada pembangunan pelancongan peribumi (Zeppel, 2006).





Berdasarkan permasalahan dan isu yang telah diutarakan jelas menunjukkan bahawa perlunya satu kajian empirikal dilaksanakan untuk meninjau proses kelestarian keupayaan pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli di Pulau Carey, Selangor. Perspektif dan pandangan daripada kesemua peserta kajian penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan mendalam untuk memperkasakan pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli yang seterusnya dapat meningkatkan produk atau hasil dalam pelancongan peribumi. Kajian ini dijalankan di kawasan Pulau Carey kerana pelancongan peribumi di kawasan Pulau Carey terkenal dengan seni ukiran, anyaman dan kebudayaan yang unik. Oleh yang demikian, perlunya kajian dijalankan di Pulau Carey untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana cara untuk melestarikan pelancongan peribumi di Pulau Carey agar masyarakat Orang Asli Mah Meri dapat menikmati kehidupan dengan lebih baik.



Justeru, adalah kritikal bagi kajian ini dijalankan.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan kepada beberapa teori yang digunakan iaitu Teori Pembangunan, Teori Kebudayaan, Teori Kelestarian, Teori EkoPelancongan, Teori Pelancongan Budaya dan Teori Pelancongan peribumi. Teori-teori asas ini mempunyai hubungan dengan modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Modal-modal ini didapati dari beberapa model iaitu Model Pelancongan





Peribumi (Hinch & Butler, 1996), Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) dan Model Kelestarian Pelancongan peribumi (Jenkies, 2003).

Model Pelancongan Peribumi oleh Hinch dan Butler (1996) merangkumi modal insan, modal ekonomi dan modal alam sekitar merupakan domain dalam kelestarian pelancongan peribumi. Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) pula merangkumi modal sosial dan modal institusi. Model Kelestarian Pelancongan peribumi oleh Jenkies (2003) memaparkan tiga elemen utama iaitu elemen ekonomi, ekologi dan sosial. Ketiga-tiga model yang dipilih iaitu Model Pelancongan Peribumi oleh Hinch dan Butler (1996), Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) dan Model Kelestarian Pelancongan peribumi oleh Jenkies (2003) digabungkan agar dapat membentuk satu kerangka konseptual kajian yang dapat menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi dalam kalangan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Secara khususnya faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi terdiri daripada lima jenis modal iaitu Modal Insan, Modal Sosial, Modal Institusi, Modal Ekonomi dan Modal Alam Sekitar. Pertama, modal Insan oleh Hinch dan Butler (1996) dan Fredrick, Nancy dan Kit Brooks (2004) yang dapat dikaitkan dengan pengetahuan, kemahiran, ciri-ciri peribadi, budaya dan kerohanian yang dapat menggalakkan peningkatan output serta produktiviti pelancongan peribumi. Melalui pengetahuan dan kemahiran yang ada, masyarakat Orang Asli dapat meningkatkan produktiviti dalam menghasilkan kraftangan bagi menarik pelancong asing yang datang berkunjung ke penempatan mereka. Keduaanya, iaitu modal sosial oleh Paul dan Seok-Woo Kwon (2002) yang terdiri daripada kekuatan jaringan sosial seperti






sokongan dan bantuan pihak yang mempunyai hubungan dengan responden kajian seperti keluarga, pemimpin kampung, pemimpin penjawat awam serta sokongan komuniti bagi tujuan membantu dan melebarkan jaringan sosial terhadap projek pelancongan yang dijalankan.

Ketiga, menurut Platje (2008), modal institusi iaitu keupayaan institusi yang berkait dengan institusi tempatan, agensi kerajaan dan swasta serta NGO untuk menyediakan kemudahan prasarana sebagai salah satu cara dalam meningkatkan produktiviti pelancongan peribumi. Modal ekonomi adalah menyentuh mengenai modal kewangan, infrastruktur, skim pembiayaan awam dan swasta, pembiayaan NGO untuk usahasama ekopelancongan dan pemasaran (Hinch & Butler, 1996). Garen (2000) dan Buckley (2003) menyentuh tentang modal alam sekitar iaitu mengenai isu penjagaan alam sekitar dan sara hidup menggunakan alam sekitar dalam membangunkan pelancongan peribumi. Dalam kajian ini, penilaian terhadap output kajian yang merupakan elemen-elemen kelestarian pelancongan peribumi yang terdiri daripada ekonomi, ekologi dan sosial berdasarkan model Jenkies (2003). Rajah 1.1 menunjukkan Kerangka Konseptual Kajian yang diadaptasi daripada Model Pelancongan Peribumi (Hinch & Butler, 1996), Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) dan Model Kelestarian Pelancongan Peribumi (Jenkies, 2003)



Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kelestarian Pelancongan Peribumi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. adaptasi daripada Model Pelancongan Peribumi (Hinch & Butler, 1996), Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) dan Model Kelestarian Pelancongan peribumi (Jenkies, 2003)

1.5 Objektif Kajian

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli di Pulau Carey, Selangor. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti bentuk penglibatan Orang Asli dalam aktiviti pelancongan peribumi
- ii. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi.
- iii. Membangunkan model kelestarian pelancongan peribumi dalam komuniti masyarakat Orang Asli.

1.6 Persoalan Kajian

- i. Apakah bentuk penglibatan Orang Asli dalam aktiviti pelancongan peribumi?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian keupayaan pelancongan peribumi?
- iii. Bagaimanakah kerangka model kelestarian pelancongan peribumi yang dibina dalam komuniti masyarakat Orang Asli?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting disebabkan kajian berkaitan *indigenous tourism* masih belum luas diterokai khususnya di Malaysia. Hasil kajian ini mungkin berguna dalam menyumbangkan ilmu pengetahuan untuk membangunkan polisi pelancongan peribumi secara praktikal terutama bagi negara yang mempunyai jumlah penduduk peribumi yang ramai. Hasil kajian ini turut diharapkan dapat memberi nilai tambah yang baharu dalam kegiatan pelancongan peribumi. Hasil dapatan yang diperoleh diharapkan dapat menjadi satu garis panduan kepada pelbagai pihak khususnya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan Malaysia serta pihak JAKOA dalam merancang program ke arah meningkatkan keberkesanan kelestarian pelancongan peribumi dalam kalangan komuniti Orang Asli.

Dari sudut perspektif yang lain, hasil kajian yang diperoleh diharapkan dapat menyediakan data terkini yang boleh diguna pakai untuk tujuan aspek-aspek yang berkaitan dengan program pelancongan peribumi khususnya peranan yang dimainkan oleh pengajar dan pihak luar bagi menjayakan pelancongan peribumi dengan lebih berkesan dan efektif. Hasil penyelidikan ini dapat digunakan oleh bahagian yang menggubal dasar pada peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan Malaysia serta pihak JAKOA bagi memahami isu-isu kritikal dan terkini yang berkaitan dengan latihan kemahiran Orang Asli. Manakala, kepentingan kajian ini dari sudut ilmu pengetahuan pula adalah terhadap sumbangan ilmu pengetahuan yang boleh digunakan dalam membangunkan pelancongan peribumi dalam

komuniti Orang Asli di Pulau Carey, Selangor yang mana diharapkan dapat menyokong perkembangan dalam kerjaya masa depan dan kehidupan komuniti Orang Asli.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi fokus terhadap kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor yang dapat dimanfaatkan oleh pihak pusat latihan tempatan yang mengusahakan kegiatan pelancongan peribumi dan responden kajian yang terlibat secara langsung dalam kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor. Di samping itu, pihak pusat latihan tempatan yang mengusahakan aktiviti pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli turut dapat membuat perancangan program latihan dan dapat mewujudkan perkongsian dan kolaborasi secara berterusan dengan pihak luar bagi usaha menyokong pelaksanaan kelestarian pelancongan peribumi di samping dapat menyediakan peluang pekerjaan dan bimbingan keusahawanan bagi komuniti Orang Asli.

Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pelbagai pihak dalam mempertingkatkan bilangan institusi latihan awam bagi melatih masyarakat Orang Asli dalam mengusahakan pelancongan peribumi, menambah kursus lanjutan dalam bidang-bidang vokasional di samping dapat menggalakkan penyertaan sektor kerajaan, swasta dan pihak industri untuk memberi latihan kemahiran vokasional kepada belia Orang Asli agar kualiti kelestarian pelancongan peribumi dapat dipertingkatkan supaya dapat melahirkan belia Orang Asli yang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan produk atau kraftangan yang memenuhi citarasa pelancong asing yang berkunjung ke penempatan mereka.



Hasil kajian ini turut diharapkan dapat memberikan data-data yang dapat digunakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Hasil penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan di pusat latihan pelancongan peribumi dalam menambahbaik pusat latihan pelancongan peribumi agar dapat melahirkan belia Orang Asli yang mahir dalam menghasilkan kraftangan untuk kelestarian pelancongan peribumi. Kajian ini diharapkan akan dapat meningkatkan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam industri pelancongan. Fokus dalam kajian ini untuk membantu menjana pendapatan masyarakat Orang Asli dari segi aspek sosioekonomi. Keterbukaan kepada kegiatan pelancongan membabitkan budaya masyarakat Orang Asli telah mendapat perhatian oleh pihak kerajaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup



Hasil daripada kajian ini turut diharapkan agar komuniti Orang Asli berpeluang menceburkan diri dalam kegiatan peruncitan dan pelancongan. Diharapkan juga dengan adanya kegiatan pelancongan peribumi ini, kemudahan dari segi infrastruktur jalan perhubungan ke pekan berdekatan juga dapat dinaiktaraf bagi memudahkan komuniti Orang Asli untuk berhubung dengan masyarakat luar. Tambahan pula, dengan pemberian rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Skim Bencana Alam, fasiliti dan kelengkapan, institusi pendidikan seperti sekolah dan tadika, serta kemudahan yang lain sebenarnya mampu mengubah persekitaran perkampungan masyarakat Orang Asli.



Akhir sekali, data-data empirikal dari kajian ini mungkin dapat digunakan untuk membina satu kerangka baharu bagi faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor. Diharapkan agar kerangka baharu ini dapat digunakan dalam membantu pihak kerajaan, swasta, NGO dan JAKOA untuk kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor amnya.

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, responden yang dipilih oleh pengkaji membataskan kajian kepada aspek-aspek tertentu iaitu pengurus yang menguruskan pelancongan peribumi, pengusaha produk pelancongan peribumi, tok batin dan pihak JAKOA yang dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dibuat adalah berdasarkan populasi yang ada. Sampel-sampel yang dipilih sebagai responden adalah seperti yang dikehendaki dalam persoalan kajian. Kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat Orang Asli Mah Meri, Kampung Sungai Bumbum, Pulau Carey, Selangor. Pemilihan tempat di kawasan Orang Asli Mah Meri, kampung Sungai Bumbum, Pulau Carey, Selangor disebabkan oleh adanya elemen-elemen pelancongan peribumi di kawasan tersebut iaitu adanya seni ukiran kayu khususnya ukiran patung harimau berantai dan topeng. Keunikan ukiran patung dan topeng yang dilakukan oleh Orang Asli Mah Meri daripada pokok nyireh telah menarik ramai pelancong asing dari dalam dan luar negara untuk melihat sendiri ukiran patung yang dihasilkan oleh mereka. Di samping itu juga kebudayaan yang diamalkan oleh

mereka seperti sambutan hari moyang turut minat pelancong asing untuk melihat sendiri upacara sambutan hari moyang yang dijalankan. Orang Asli suku kaum Mah Meri agak popular dalam kalangan pelancong disebabkan oleh kehalusan seni budaya yang diamalkan oleh mereka secara turun temurun. Seni ukiran kayu anak kera yang sedang bergayut pada ibunya turut pernah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) (Hafiz Ithnin, 2018).

1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini menerangkan pelbagai istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Model Kelestarian Pelancongan Peribumi

Menurut Achmad (2008) model merupakan gambaran dari suatu benda, sistem atau kejadian yang mengandungi maklumat-maklumat yang penting untuk dipelajari. Model yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah susunan dalam bentuk gambar rajah model terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi di kawasan kajian.



1.9.2 Budaya Masyarakat Orang Asli

Budaya masyarakat Orang Asli ialah adat dan kepercayaan mereka yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pegangan animisme mereka (Mohammad Aslam & Abdullah, 2004). Budaya yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini adalah merupakan adat resam yang diamalkan secara turun temurun oleh masyarakat Orang Asli yang secara tidak langsung, budaya masyarakat Orang Asli ini dapat menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke penempatan mereka. Antara contoh tarikan utama budaya masyarakat Orang Asli adalah seperti sewang, seni kreatif, alat muzik dan kraftangan (Adi, Hood & Rashid, 2006).



1.9.3 Kelestarian Pelancongan Peribumi

Menurut Holloway (2006), pembangunan pelancongan peribumi yang terdiri daripada produk pelancongan asli mempunyai empat elemen iaitu habitat, kraftangan, warisan dan sejarah yang dapat mempengaruhi kelestarian terhadap pelancongan peribumi. Kelestarian pelancongan peribumi yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah merujuk kepada kelestarian pelancongan peribumi yang merangkumi aspek ekonomi, ekologi dan sosial (Jenkies, 2003).





1.9.4 Model Pelancongan Peribumi

Model Pelancongan Peribumi (Hinch & Butler, 1996) merupakan suatu model yang ditakrifkan sebagai aktiviti pelancongan yang melibatkan Orang Asli. Budaya mereka menjadi intipati daya tarikan yang menumpukan kepada aspek geografi, kebudayaan, ekonomi, demografi sosial, dan persekitaran fizikal. Dalam kajian ini, Model Pelancongan Peribumi oleh Hinch dan Butler (1996) merangkumi modal insan, modal ekonomi dan modal alam sekitar yang penting dalam kelestarian pelancongan peribumi.

1.9.5 Model Pelancongan Berasaskan Komuniti



Pelancongan berasaskan komuniti ialah pelancongan di mana penduduk tempatan mempelawa pelancong untuk melawat komuniti mereka dengan adanya penyediaan penginapan. Secara tidak langsung, penduduk tempatan beroleh pendapatan sebagai pengurus, usahawan dan pekerja kesan daripada menjalankan pelancongan berasaskan komuniti ini. Dalam kajian ini juga, model berasaskan komuniti (Vesna et al., 2014) dipilih kerana merangkumi modal sosial dan modal institusi.



1.9.6 Modal Insan

Modal insan merujuk kepada stok pengetahuan, tabiat, sifat-sifat sosial dan personaliti, termasuk budaya, yang terkandung dalam keupayaan untuk melaksanakan kerja yang seterusnya menghasilkan nilai ekonomi. Dalam kajian ini, modal insan terdiri daripada pengetahuan, kemahiran, sikap, keyakinan, budaya dan kerohanian (Fredrick, Nancy & Kit Brooks, 2004).

1.9.7 Modal Sosial

Modal sosial adalah memberi tumpuan kepada hubungan sosial yang mempunyai manfaat produktif. Dalam kajian ini, modal sosial mengandungi elemen seperti sokongan keluarga, pemimpin kampung, pemimpin penjawat awam dan sokongan komuniti (Paul & Seok-Woo Kwon, 2002).

1.9.8 Modal Institusi

Modal institusi ditakrifkan sebagai sumber dalaman dan keupayaan sesebuah organisasi yang mempengaruhi persekitaran (Huang & Cao, 2016). Modal institusi dalam kajian ini merujuk kepada elemen seperti institusi tempatan, agensi kerajaan, swasta dan NGO yang mempengaruhi industri pelancongan peribumi (Platje, 2008).

1.9.9 Modal Ekonomi

Modal ekonomi adalah kemampuan organisasi menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Ianya termasuklah modal intelek dengan modal kewangan bagi menunjukkan produktiviti masyarakat (Scott, 2000). Dalam kajian ini, modal ekonomi terdiri daripada elemen modal kewangan, infrastruktur, pembiayaan awam dan swasta, pembiayaan NGO untuk usahasama ekopelancongan serta pemasaran (Hinch & Butler, 1996; Scheyvens, 1999).

1.9.10 Modal Alam Sekitar

Modal alam sekitar ialah kemampuan dalam menjaga alam sekitar secara seimbang dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan manusia. Dalam kajian ini, modal alam sekitar mengandungi elemen-elemen seperti penjagaan alam sekitar dan sara hidup dalam membangunkan pelancongan peribumi (Garen, 2000 & Buckley, 2003).

1.9.11 Orang Asli

Istilah Orang Asli merujuk kepada satu kelompok etnik yang paling awal yang tinggal di Malaysia. Takrifan Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub dalam Perkara 160(2) yang menyatakan bahawa Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli

Semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan merupakan sebahagian daripada penduduk peribumi disamping kaum bumiputera Semenanjung (Melayu, Siam, Mamak), Bumiputera Sabah (Kadazan Dusun, Murut, Bajau) dan Bumiputera Sarawak (Iban, Kenyah, Bidayan). Walau bagaimanapun kumpulan masyarakat Penan di Sarawak dimasukkan ke dalam kumpulan masyarakat Orang Asli. Dalam perkara 17 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974, anak Orang Asli merupakan anak kepada seorang bapa dari kalangan masyarakat Orang Asli serta menjalani kehidupan sebagai Orang Asli dan mengamalkan adat dan budaya serta kepercayaan dalam masyarakat Orang Asli (Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, 2009). Mengikut Nicholas (2000) kelompok Senoi ialah kelompok masyarakat Orang Asli yang terbesar diikuti dengan Melayu-Proto dan Negrito. Mengikut konteks masyarakat Orang Asli di Malaysia, mereka dikategorikan sebagai masyarakat peribumi yang mempunyai hak istimewa yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Dalam kajian ini Orang Asli merujuk kepada masyarakat yang menjalankan aktiviti pelancongan peribumi sebagai salah satu daripada sumber pencarian rezeki mereka di samping dapat menampung keperluan sara hidup mereka di Pulau Carey.

1.9.12 Pelancongan Peribumi

Menurut Hinch dan Butler (1996), pelancongan peribumi adalah aktiviti pelancongan yang mana masyarakat Orang Asli terlibat dengan menggunakan budaya serta kraftangan mereka sebagai intipati tarikan. Dalam kajian ini, pelancongan peribumi merujuk kepada

hasil kraftangan, budaya, adat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli dalam menarik kedatangan pelancong asing ke penempatan masyarakat Orang Asli.

1.9.13 Peribumi

Moore (2003) menyatakan bahawa peribumi ialah “*aboriginal*” iaitu penduduk asal (*aborigines*) yang ada di sesebuah negeri sejak awal lagi. Berdasarkan konteks kajian ini, peribumi digunakan untuk merujuk kepada semua jenis kelompok manusia yang merupakan penghuni asal atau paling awal di negara-negara seperti New Zealand, Amerika, Australia, Canada dan sebagainya. Menurut Cobo (1984), mentakrifkan bahawa masyarakat peribumi mempunyai budaya yang tersendiri. Di Semenanjung Malaysia, kaum peribumi dikenali sebagai Orang Asli (Ramlee, 2013).

1.10 Rumusan

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi dalam komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kelemahan dalam pelancongan peribumi seperti kemunduran dan kemiskinan yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli (Noraida Harun & Noor' Ashikin Hamid, 2010), pengangkutan dan perkhidmatan jalan raya (Ah Choy et al., 2012), kawasan tarikan pelancongan, perkhidmatan, infrastruktur,

pengangkutan, penilaian kemampunan dan kemudahan penginapan, ketiadaan program bersepadu yang dapat melibatkan masyarakat tempatan, kawasan sensitif terhadap alam sekitar tidak dilindungi kepentingannya, ketiadaan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti yang melibatkan perlindungan kawasan hutan, penyediaan pengangkutan berada pada tahap yang rendah dan kesan daripada pembinaan empangan di kawasan pelancongan peribumi (Suzita et al., 2015). Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan beberapa teori seperti teori pembangunan, teori kebudayaan, teori kelestarian, teori ekopelancongan, teori pelancongan budaya dan teori pelancongan peribumi. Teori-teori asas ini mempunyai hubungan dengan modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar. Modal-modal ini didapati dari beberapa model iaitu Model Pelancongan Peribumi (Hinch & Butler, 1996), Model Berasaskan Komuniti (Vesna et al., 2014) dan Model Kelestarian Pelancongan Peribumi (Jenkies, 2003). Batasan kajian turut dapat memberi gambaran terhadap pelaksanaan kajian yang bakal dijalankan dan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini.